

## **Cadangan Pindaan Akta Terhadap Pemandu Mabuk Dibentang Ke Kabinet Hari Ini**

---

**PUTRAJAYA** : Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan membentangkan cadangan pindaan hukuman terhadap pemandu mabuk mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) pada mesyuarat Kabinet hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menerusi hantaran dalam Facebooknya berkata, hasrat kerajaan bukan semata-mata merninda Akta 333, malah untuk merangka formula lebih komprehensif bagi mengekang pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah dan pemanduan secara berbahaya melalui perundangan, penguatkuasaan dan pendidikan.

"Selain cadangan mengenakan hukuman yang lebih berat di bawah Seksyen 41 hingga 45 Akta 333 yang berkaitan dengan pemanduan di bawah pengaruh dadah atau alkohol, memandu secara melulu dan berbahaya, MOT juga menyemak semula tahap kandungan alkohol yang dibenarkan dalam nafas, darah serta air kencing".

"Ia berdasarkan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam berdepan isu pemandu mabuk," katanya di laman Facebook beliau semalam.

Beliau berkata, dalam mesyuarat itu, MOT juga akan mengesyorkan larangan kegiatan Geng Basikal Lajak yang membahayakan nyawa masyarakat khususnya remaja.

Terdahulu, Ka Siong meluangkan masa mendengar pandangan daripada Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) berhubung perkara itu.

"Saya menghargai maklum balas mereka dalam pertemuan yang diadakan di kementerian," katanya.

Isu pemandu mabuk yang mengakibatkan kematian pengguna jalan raya lain di negara ini tidak berkesudahan sehingga Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin

Yassin mengarahkan akta itu dipinda bagi membolehkan hukuman berat dilaksanakan ke atas pesalah.

Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara sehingga 12 bulan.

Berdasarkan statistik polis, dari Januari sehingga Mei, sebanyak 21 kes membabitkan pemandu mabuk direkodkan dan lapan daripadanya menyebabkan mangsa meninggal dunia.

Antara yang terbunuuh akibat pemandu mabuk ialah seorang anggota polis yang sedang bertugas ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan baru-baru ini.

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 4 | 24 JUN 2020**